

## **FAKTOR-FAKTOR MUFLIS DI KALANGAN BELIA**

**Nurauliani Jamlus Rafdi, Noor Aimi Mohamad Puad, Wan Shahdila Shah Shahar,  
Fadilah Mat Nor, & Wan Shazlinda Shah Shahar**

Fakulti Pengurusan dan Muamalah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[nurauliani@kuis.edu.my](mailto:nurauliani@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kos hidup yang semakin tinggi menyebabkan kebanyakan daripada kita menjadi tertekan dan kerana tidak dapat mengurus kewangan dengan baik akhirnya hutang piutang tidak dapat dibayar dan menyebabkan seseorang menjadi muflis. Kajian ini akan membincangkan tentang faktor-faktor muflis di kalangan belia dan ia merupakan kajian konsep. Terdapat lima faktor yang akan dikaji iaitu sewa beli kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi, pinjaman perniagaan dan hutang kad kredit (Jabatan Insolvensi Malaysia 2014). Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi penjelasan dan maklumat kepada masyarakat tentang faktor-faktor dan risiko muflis di kalangan belia.

**Katakunci:** belia, muflis, faktor-faktor, risiko

### **PENGENALAN**

Apabila diri telah diklasifikasikan sebagai muflis atau bangkrap ia adalah merupakan perkara yang paling digeruni dan banyak kesan buruknya jika ia berlaku.

Dengan keadaan ekonomi kini yang semakin meningkat menyebabkan hidup kian tertekan lalu pengurusan wang menjadi tidak teratur dan hutang piutang tidak dapat dibayar seterusnya menyebabkan seseorang menjadi muflis.

Oleh yang demikian perlu diingatkan supaya mengawal perbelanjaan dengan teratur dan bijak supaya masalah muflis dapat dibendung dari peringkat remaja lagi.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Menurut petikan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 10 Oktober 2014, seramai 41 orang belia Malaysia berumur lingkungan 21 – 40 tahun dianggarkan menjadi muflis setiap hari akibat jahil pengurusan kewangan. Menurut rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) pula sejumlah 122,169 rakyat Malaysia diisytihar muflis bagi tempoh 2007 hingga tahun 2013.

Menurut Dr. Jessica Ong Hai Liaw, 2014 semakin ramai belia yang muflis disebabkan menanggung bebanan hutang yang amat serius seperti kad kredit, pinjaman membeli kereta dan pinjaman peribadi.

Perangkaan Jabatan Insolvensi Malaysia dari tahun 2005 hingga 2012 mencatatkan seramai 243,823 orang telah diisytiharkan muflis. Daripada jumlah tersebut, 57 peratus terdiri

daripada mereka yang berusia di bawah 45 tahun. 50 peratus daripada kumpulan ini ialah pemegang kad kredit yang berusia di bawah 30 tahun.

Lebih memeranjatkan apabila 15 peratus daripada mereka tiada tabungan atau simpanan; manakala 37 peratus lagi tidak pernah memikirkan persediaan untuk persaraan (Liaw J., 2014)

Satu kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) mengenai perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda, peratusan kes kebangkrupan atau muflis yang paling tinggi di kalangan belia adalah melibatkan pinjaman kenderaan iaitu 25.21 peratus, diikuti pinjaman persendirian 13.15 peratus, pinjaman perumahan 12.31 peratus, pinjaman perniagaan 11.26 peratus dan kad kredit, 4.9 peratus.

Menurut mantan Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, Datuk Ahmad Maslan, statistik sejak tahun 2010 hingga April 2015 menunjukkan daripada 107,000 individu yang diisytiharkan muflis, 23,484 daripadanya adalah golongan belia yang berumur antara 25 hingga 34 tahun. Tambahan belia lagi, seramai 1,469 belia di bawah umur 25 tahun turut muflis manakala individu yang berumur antara 35 hingga 44 tahun pula merupakan golongan tertinggi yang diisytiharkan muflis iaitu sebanyak 37,888 orang daripada jumlah keseluruhan.

Presiden Pergerakan Pengguna Malaysia (MCM), Darshan Singh Dhillion mendedahkan bahawa situasi muflis di kalangan belia meningkat daripada 4,100 pada 2012 kepada 5,420 pada 2014, iaitu kenaikan sebanyak 34 peratus dalam masa tiga tahun sahaja. Malah jelasnya, Jabatan Insolvensi menunjukkan kadar 85 peratus kebangkrupan adalah ekoran kegagalan golongan belia menguruskan kewangan mereka.

Daripada rekod di atas ianya menunjukkan bahawa golongan belia pada masa kini terlibat dalam satu krisis yang amat besar iaitu pengurusan kewangan. Golongan belia tidak bijak dalam mengurus kewangan mereka. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada situasi tersebut dan sekiranya permasalahan ini berterusan maka ia akan memberi kesan kepada diri mereka, keluarga dan juga negara Malaysia.

## **KAJIAN LEPAS**

Definisi bankrap menurut laman web rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia ialah merujuk kepada satu proses di mana seorang penghutang diisytiharkan muflis melalui perintah Mahkamah. Pihak pemiutang boleh memfailkan tindakan kebangkrupan terhadap mereka yang berkenaan sekiranya keberhutangan lebih daripada RM30, 000.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan muflis terjadi di kalangan belia muda. Menurut kajian yang dijalankan oleh Elangkovan dan Ahmed Razman (2013) mendapati masalah muflis banyak berlaku disebabkan oleh hutang kad kredit yang tidak mampu dibayar. Peningkatan jumlah individu yang bankrap kerana hutang kad kredit kebanyakannya yang berusia bawah 30 tahun. Dalam suatu kajian yang lain oleh Nazni Noordin bersama pengkaji-pengkaji lain (2012) juga menunjukkan bahawa kad kredit menjadi sebab utama masalah hutang sehingga membawa kepada kebangkrupan dan muflis.

Antara faktor lain yang menyumbang kepada gejala ini ialah kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) mengenai perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda, 37 peratus daripada kelompok itu mengakui berbelanja melebihi gaji bulanan. Apabila berlakunya perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan

mengenai pengurusan wang di kalangan belia, ini boleh menjurus kepada permasalahan hutang. Hal ini sekaligus membawa kepada bebanan hutang pada usia muda akibat berbelanja secara berlebihan.

Selain itu, kos sara hidup yang tinggi serta tidak berpadanan dengan pendapatan. Gaya hidup yang sentiasa meningkat dikalangan isi rumah juga menjadi faktor mereka berhutang semata-mata untuk kemewahan bukannya keperluan (Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi, Norlida Hanim Mohd Salleh, 2014).

Pengurusan kewangan yang lemah, tidak dapat mengawal penggunaan kad kredit dan kegagalan membayar pelbagai pinjaman menjadi punca ramai golongan belia diisytiharkan muflis sebelum berumur 35 tahun (Ahmad Maslan 2015).

Menurut pakar pelaburan, Tuan Zaidi Ismail (2015), beliau mendapati ada 4 faktor utama statistik ini meningkat. Faktor-faktor tersebut adalah membeli kereta tanpa deposit, membeli rumah di luar kemampuan dengan pinjaman maksima, memohon pinjaman peribadi untuk majlis kahwin dan menggunakan kad kredit dengan bayaran minima setiap bulan.

Secara umumnya pembelian kereta tanpa deposit nampak seperti suatu tawaran yang meringankan beban mereka dan tidak mampu dilepaskan tawaran ini oleh golongan belia. Namun hakikatnya mereka telah terperangkap dengan tawaran penjual kerana hakikatnya tawaran itu sebenarnya menyusahkan mereka kerana ia akan membebankan pembeli dengan ansuran bulanan yang tinggi. Bayaran bulanan yang disarankan adalah tidak melebihi 15% daripada gaji bersih setiap bulan dan pinjaman maksimum 7 tahun. Bayangkan dalam usia yang masih muda, golongan belia terpaksa memperuntukkan 15% daripada gaji bersih untuk melunaskan hutang kereta yang sedia maklum bahawa susut nilai aset kereta akan berkurangan dengan mendadak setiap tahun.

Membeli rumah adalah satu pelaburan yang amat baik. Namun golongan belia seharusnya membeli rumah mengikut kemampuan dan bukan dengan pinjaman yang maksima. Apabila golongan belia membeli rumah untuk tempoh pinjaman yang maksima sebenarnya mereka hanya membayar faedah yang tinggi kepada institusi perbankan dan ini sebenarnya merugikan golongan belia.

Di dalam kegembiraan meraikan hari pernikahan dan persandingan yang meriah seharusnya tidak perlu dibebankan dengan pencarian wang yang banyak. Kebanyakan golongan muda kini telah membuat pinjaman peribadi semata-mata untuk perbelanjaan kahwin dan wang itu akan hilang sejurus selepas majlis berakhir. Yang menyedihkan lagi bebanan hutang yang disebabkan majlis perkahwinan pula terpaksa di tanggung sehingga 10 tahun.

Kebiasaannya pengguna sering leka apabila menggunakan kad kredit kerana tidak berurusniaga dengan wang tunai. Seharusnya penggunaan kad kredit hendaklah berhati-hati kerana bagi kredit yang tertunggak akan dikenakan kadar faedah yang tinggi sehingga mencecah 13.5% setahun. Di tambah pula dengan pembayaran minima setiap bulan yang akan menjerat golongan belia ke kancah muflis. Golongan belia merasakan dengan menggunakan kad kredit mereka akan berasa seperti orang kaya yang palsu. Hakikatnya, orang yang menggunakan kad kredit tanpa mengukur kemampuan sendiri sedang menjerat diri menggali lubang yang lebih dalam dan sebenarnya mencari lebih banyak hutang untuk dibayar. Di samping sifat golongan belia yang ingin menunjuk-nunjuk dan hidup di luar kemampuan (Liaw J., 2014) sehingga sanggup membeli barang mahal, kereta mahal yang hanya sekadar

memuaskan nafsu sendiri yang berpaksikan “apa orang kata” berbanding “apa Allah kata” (Zaidi Ismail 2015).

Menurut kajian oleh Jabatan Insolvensi Malaysia 2014, antara faktor lain yang menyumbang kepada gejala muflis di kalangan belia adalah pinjaman perniagaan. Menjalankan perniagaan adalah satu usaha yang baik namun disebabkan oleh kurangnya ilmu dan pengalaman maka kebanyakan perniagaan yang diusahakan oleh golongan belia gagal dan sekaligus menyebabkan pembayaran hutang tidak dapat dilunaskan. Hal ini telah menyumbang kepada gejala muflis dan ia amat membimbangkan.

## CADANGAN

Generasi belia yang menghadiri Persidangan Meja Bulat Belia - Hutang Belia: TerbebANKah Anda? yang dilaksanakan di Dewan Komanwel, Institut Sukan Negara, Kuala Lumpur (22 Ogos 2015) mencadangkan beberapa usul dalam menangani masalah muflis di kalangan belia iaitu:

1. Golongan belia mesti meningkatkan ilmu dan proaktif dalam menguruskan kewangan dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi/jabatan yang menawarkan khidmat rujukan pendidikan kewangan bagi mengelakkan bebanan hutang.
2. Golongan belia mesti memantau aliran tunai dan membuat penyesuaian sekiranya berlaku aliran wang keluar yang tidak seimbang.
3. Golongan belia mesti berusaha secara aktif meningkatkan nilai harta bersih (*net worth*) seperti menambah simpanan, mengurangkan perbelanjaan, melangsaikan/mengurangkan hutang dan melupuskan aset yang tidak menjana keuntungan.
4. Golongan belia disarankan agar nisbah hutang tidak melebihi 40% pendapatan bersih bulanan bagi mengelakkan terperangkap dengan beban hutang.

Selain daripada itu kerajaan juga berperanan penting dalam menangani isu di atas. Antara cadangan terhadap kerajaan ialah:

1. Program-program motivasi dan kewangan seperti yang diadakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui Program Pengurusan Kredit harus diperhebatkan.
2. Proses pinjaman dan lain-lainnya seharusnya juga dinilai semula agar tidak timbul masalah dari segi penjamin, teraniaya dan tertipu dengan sistem yang ada sekarang ini.
3. Pihak kerajaan seharusnya memperkasakan pendidikan pengguna/kewangan dalam kurikulum sekolah serta peringkat komuniti agar ilmu pengurusan kewangan dapat diterapkan.
4. Pihak kerajaan mewujudkan satu badan untuk mengumpulkan dana bagi mengawal harga rumah dalam membantu pemilikan rumah dalam kalangan belia.

## PENUTUP

Melihat daripada kos hidup yang kian meningkat dewasa ini, tidak meragukan apabila muflis atau bankrupt telah menjadi satu fenomena biasa. Seharusnya permasalahan ini di bendung dari awal supaya tidak menjejaskan golongan belia di masa hadapan. Perlu diingatkan bahawa golongan belia adalah tunjang dan asset penting dalam pembangunan negara. Oleh yang demikian diharapkan dengan dapatan kajian ini, dapat membantu golongan belia untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan wang. Semua pihak juga berperanan dalam menangani masalah ini termasuk belia, kerajaan, agensi-agensi yang berkaitan dan lain-lain.

## RUJUKAN

- Ahmad Maslan (2015). 23,484 golongan belia muflis. (dicari pada 11/10/2015) <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/23-484-golongan-belia-muflis-1.107133>.
- Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi, & Norlida Hanim Mohd Salleh (2014). Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal, *Prosiding Perkem Ke-9*, 833 – 844.
- Jessica Ong Hai Liaw (2014). Belia Muflis Akibat Belanja Luar Kemampuan. (dicari pada 11/10/2016) [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140415/re\\_05/Belia-muflis-akibat-belanja-luar-kemampuan#ixzz3oE1th1BC](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140415/re_05/Belia-muflis-akibat-belanja-luar-kemampuan#ixzz3oE1th1BC).
- Kaviyarasu Elangkovan & Ahmed Razman Abdul Latiff (2013). Bankruptcy: A Natural Phenomena Being Attacked On Malaysians?. *International Journal of Humanities and Management Sciences (IJHMS)*, Vol. 1, Issue 1 (2013) 2320-4044.
- Nazni Noordin et al. (2012). Bankruptcy Among Young Executives in Malaysia. *International Conference on Economics Marketing and Management IPEDR*, Vol. 28, IACSIT Press, Singapore.
- Qurnisha Hamka (2015). Kadar belia muflis dijangka meningkat menjelang 2020 (dicari pada 13/10/2015). <http://bm.therakyatpost.com/berita/2015/06/24/kadar-belia-muflis-dijangka-meningkat-menjelang-2020/#ixzz3oEHgKrOL>.
- Zaidi Ismail (2015). 4 Amalan Jahil Faktor 41 Belia Muflis Setiap Hari. (dicari pada 12/10/2016). <http://www.majalahniaga.com/4-amalan-jahil-faktor-41-belia-muflis-setiap-hari.html>.